



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (36)
Tarikh : 28 April 2022

Semua Ibu Bapa / Penjaga

SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN CUTI PERSEKOLAHAN SEMPENA HARI PEKERJA DAN HARI RAYA
AIDILFITRI TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa cuti umum sempena Hari Pekerja tahun 2022 ialah pada 1 Mei 2022 (Ahad) dan cuti umum bagi Hari Raya Aidilfitri ialah pada 3 Mei dan 4 Mei 2022 (Selasa dan Rabu). Manakala cuti perayaan yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah pada 5 dan 6 Mei 2022 (Khamis dan Jumaat).

3. Sehubungan dengan itu, semua murid akan bercuti pada **2 Mei 2022 (Isnin)** sempena Hari Pekerja dan murid juga akan bercuti dari **3 Mei 2022 hingga 6 Mei 2022 (Selasa – Jumaat)** sempena Hari Raya Aidilfitri. Semua murid akan kembali bersekolah pada **9 Mei 2022 (Isnin)**.

4. Pihak sekolah mengucapkan selamat menyambut Hari Pekerja kepada semua ibu bapa dan penjaga serta selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga SETIARA yang menyambutnya. Pihak sekolah juga berharap YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak/anak jagaan masing-masing dalam waktu cuti perayaan ini.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)
Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur



"SETIARA SENTIASA JUARA"